

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK
[\(Klik di sini untuk versi Bahasa Inggeris\)](#)

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ("HPP") ini bersama dengan terma-terma dalam Surat Tawaran sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Jaminan Bank-i ("BG-i") bersama Hong Leong Islamic Bank ("Bank"). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam HPP ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank. Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.

Sila dapatkan penjelasan dari pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umumnya.



Hong Leong Jaminan Bank-i (BG-i)

Disember 2024

1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?

- Jaminan Bank (BG-i) adalah instrumen undang-undang yang dilaksanakan oleh bank bagi pihak pelanggan yang memihak kepada benefisiari, biasanya jabatan kerajaan, pihak berkuasa berkanun atau pihak ketiga lain yang berkaitan dengan kontrak yang dimeterai oleh pelanggan dengan benefisiari.
- BG-i yang dikeluarkan untuk jaminan residen mesti dibuat dalam denominasi Ringgit Malaysia.
- Terdapat 2 jenis jaminan:
 1. **Jaminan Kewangan-:**
Ditakrifkan sebagai jaminan yang dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggannya, yang memihak kepada pihak ketiga dimana Bank bersetuju untuk membayar pihak ketiga sekiranya pelanggan tidak dapat membayar hutangnya kepada pihak ketiga bila mana tuntutan bayaran dibuat oleh pihak ketiga.
 2. **Jaminan Bukan Kewangan-:**
Secara am, ia diklasifikasikan sebagai jaminan prestasi bon. Jaminan tersebut dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggan yang memihak kepada pihak ketiga, dimana Bank bersetuju untuk menanggung kerugian yang dialami oleh pihak ketiga apabila pelanggan gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang tertakluk dalam terma kontrak yang diimeterai oleh pelanggan bersama pihak ketiga.

2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?

- BG-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Kafalah bil Ujrah, di mana Bank sebagai penjamin bergabung dengan pihak yang dijamin dalam memikul liabiliti yang ditetapkan oleh pihak yang dijamin, dengan pengenaan yuran.
- Di bawah kontrak ini, Bank memberi jaminan untuk membayar sejumlah yang telah dipersetujui kepada satu pihak sekiranya pelanggan gagal atau lalai dalam memenuhi kewajipannya seperti yang tertakluk dalam syarat yang ditetapkan dalam jaminan.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- BG-i merupakan satu aku janji dari sumber yang formal dan boleh dipercayai yang boleh memberi sokongan kepada keperluan perniagaan.
- BG-i perlu mempunyai tarikh matang dan tempoh tuntutan. Amaun jaminan dan tempoh liabiti yang juga termasuk tempoh tuntutan perlu dinyatakan dengan jelas dalam semua pengeluaran BG-i.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Harga:

- Memenuhi tanggungjawab seperti yang dikenakan oleh syarat-syarat jaminan.
- Bagi setiap penggunaan kemudahan BG-i, pelanggan perlu membuat pembayaran awal (pada waktu pengeluaran BG-i) untuk komisen.

Komisen	Pengeluaran Jaminan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • 0.175% sebulan atau sebahagian daripadanya atau kadar lain yang mungkin ditentukan oleh Bank untuk tempoh jaminan, perlu dibayar awal pada waktu pengeluaran; atau mengikut kadar yg ditetapkan dalam surat tawaran. • Minimum RM50.00 • Tiada caj maksimum
	Pengeluaran Jaminan Bukan Kewangan.	<ul style="list-style-type: none"> • 0.10% sebulan atau sebahagian daripadanya atau kadar lain yang mungkin ditentukan oleh Bank untuk tempoh jaminan, perlu dibayar awal pada waktu pengeluaran; atau mengikut kadar yg ditetapkan dalam surat tawaran. • Minimum RM50.00 • Tiada caj maksimum
	Pengeluaran Yang Bersandarkan Margin Tunai dan Deposit Tetap-i	<ul style="list-style-type: none"> • 0.175% sebulan atau sebahagian daripadanya atau apa-apa kadar lain yang ditentukan oleh pihak Bank untuk tempoh jaminan, perlu dibayar awal pada waktu pengeluaran; atau mengikut kadar seperti dalam surat tawaran. • Minimum RM200.00 • Tiada caj maksimum
	Pindaan (<i>Jika berkaitan dengan lanjutan Tarikh luput atau penambahan amanah Jaminan Bank</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • 0.175% sebulan atau sebahagian daripadanya atau pada kadar seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran, tertakhluk kepada jumlah minimum komisen yang ditetapkan pada setiap pengeluaran atau mengikut kadar seperti dalam surat tawaran. • Minimum RM50.00 • Tiada caj maksimum
	Caj Jaminan Bank tidak boleh dipulangkan pada tarikh matang.	Mengikut kadar bagi pengeluaran BG, dikira dari tarikh tamat tempoh sehingga tarikh BG dipulangkan atau sehingga tarikh penerimaan surat pelepasan BG-i bagi benefisiari, yang mana lebih awal.

5. Apakah jenis yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem	Seperti yang dinyatakan dalam Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989).
Yuran Guaman berkaitan dengan Dokumentasi Pembiayaan	Yuran peguamcara adalah seperti yang dinyatakan dalam Perintah Imbuhan Peguamcara 2005 termasuk yuran bagi caj pendaftaran, carian tanah, carian muflis, cukai kerajaan yang berkaitan dan cukai lain atau levi seperti skala caj yuran yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan.
Lain-lain	Sila rujuk Yuran & Caj Perkhidmatan Perdagangan di laman sesawang kami di URL: https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Pampasan bagi Pembayaran Lewat (<i>Ta'widh</i>)	<p>a) Bagi kegagalan bayaran yang mengakibatkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = Sehingga 1% setahun keatas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);</p> <p>b) Bagi kegagalan bayaran selepas tempoh matang = Kadar Pasaran Wang Antara Bank-Bank Perbankan Islam ("IIMM") keatas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);</p> <p>c) Bagi kegagalan bayaran selepas penghakiman = Kadar IIMM keatas jumlah dasar penghakiman.</p> <p>Nota: (i) Caj pampasan tidak akan dikompaun dan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal tertunggak. (ii) Kaedah dan kadar caj pampasan adalah tertakluk kepada perubahan seperti mana yang ditentukan oleh BNM. (iii) Caj pampasan dikira atas dasar harian dari tarikh perlu bayar/tempohmatang/tarikh penghakiman.</p>
Hak Penolakan	Bank berhak untuk menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak selepas notis pemberitahuan bertulis selama tujuh (7) hari diberikan kepada anda.
Hak untuk Memulakan Proses Pemulihan dan Tindakan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal untuk memberi respon kepada notis peringatan. Aset anda mungkin dirampas dan segala kos perlu ditanggung oleh anda. Sekiranya hasil penjualan aset tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah yang tertunggak dan terhutang dengan sepenuhnya, anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan kekurangan tersebut.• Pihak bank boleh memulakan aktiviti pemulihan (termasuk menggunakan agensi pengutipan hutang daripada pihak ketiga), perampasan dan prosiding kebankrapan. <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjaskan tahap penarafan kredit yang mengakibatkan kelulusan permohonan mana-mana kemudahan kredit lebih sukar atau kadar pembiayaan lebih mahal.</p>

7. Bagaimana jika saya menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tempoh matang?

Penyelesaian awal tidak berkenaan.

8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful?

Perlindungan takaful berikut adalah disyorkan / diperlukan untuk diambil daripada panel Bank:

- Perlindungan takaful yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal ke atas Pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan).
- Takaful ke atas barang (jika berkenaan).

9. Apakah risiko utama?

- Sekiranya BG-i dituntut oleh beneficiari, anda hendaklah membayar jumlah jaminan yang telah dibayar oleh Bank dengan segera.
- Sekiranya anda gagal untuk membuat bayaran dalam masa yang sepatutnya, anda akan dikenakan caj pampasan atau mana-mana kadar lain yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, sila hubungi kami di +603-76268899 atau kunjungi mana- mana cawangan/ pusat perniagaan kami di seluruh negara.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi membuat pembayaran. Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di:

Pusat Hubungan : 03-7626 8899 / 03-7661 7777
Faks : 03-7946 8888
E-mel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan daripada pihak-pihak dibawah:

- a) **Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP)**, yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan mendidik antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan mendidik kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS atau SME) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai Penasihat KNP mendida-mana cawangan diseluruh negara.
Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches>.
No. Telefon : 03- 7880 0088
E-Mel : myknp@cgc.com.my
Laman Sesawang :<https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

- b) **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturran pembiayaan, mendidik kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga PKS atau SME. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Alamat : Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
No. Telefon : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman Sesawang :<https://www.akpk.org.my/smehelpdesk>

- Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan

Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-76268821 / 03-76268802 / 03-76268812
E-mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK or BNMLINK

Alamat : Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dat" Onn, 50480 Kuala Lumpur
No. Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
Laman Sesawang : <https://bnmlink.bnm.gov.my>

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Jaminan Bank-i ("BG-i"), sila kunjungi mana-mana pusat perniagaan kami di seluruh negara atau anda boleh melayari laman sesawang kami di www.hlisb.com.my.

13. Perkhidmatan Perdagangan Perniagaan-i yang juga ditawarkan

- Surat Kredit-i (LC-i)
- Resit Amanah-i (TR-i)
- Bil Boleh Terima-i Jualan / Belian (AB-i)
- Jaminan Penghantaran-i (SG-i)
- Pembiayaan Invois-i (IVF-i)
- Bil Masuk/Keluar Untuk Perkhidmatan Pungutan-i (IBC-i/ OBC-i)
- Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam Negara-i (OFCF-i)

NOTIS PENTING

**BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MERAMPAS ASET YANG DIBIAYAI OLEH /
DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN TEPAT PADA WAKTUNYA**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada Disember 2024.